

SIARAN AKHBAR

PERUNTUKAN RM2 JUTA DI BAWAH PROGRAM TUBE LAHIRKAN USAHAWAN BELIA TVET

BERANANG, 3 Ogos 2023 – Kerajaan terus komited dalam memperkasa Pendidikan Kemahiran Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui peruntukan khusus berjumlah RM2 juta di bawah Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program ini dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA). Program TUBE TVETMARA dijalankan secara fizikal bermula 31 Julai sehingga 4 Ogos 2023 di MARA-Japan Industrial Institute (MJII), Beranang, Selangor dan Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Rizal bin Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pagi tadi. Turut hadir di majlis berkenaan ialah Encik Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah I Bahagian Kemahiran dan Teknikal, MARA.

Program TUBE bermatlamat memupuk semangat keusahawanan di kalangan belia serta membentuk daya tahan, disiplin dan kepimpinan dalam pengendalian perniagaan. Pada tahun ini, seramai 60 orang usahawan belia yang mempunyai latar belakang usahawan teknologi (technopreneur) daripada institusi-institusi pendidikan dan latihan MARA telah berjaya dilatih. Peserta didedahkan dengan modul keusahawanan lanjutan (advanced) berkaitan strategi perniagaan, pengurusan syarikat dan kewangan serta teknik-teknik pengembangan perniagaan mengikut

trend terkini. Usahawan belia TVET yang berpotensi dan berjaya menamatkan latihan seterusnya layak dipertimbangkan Geran Pengembangan Perniagaan sehingga RM20,000 setiap seorang.

Menurut YBrs. Encik Rizal bin Nainy “Program ini memfokuskan pemerksaan belia Bumiputera yang memiliki kemahiran vokasional untuk menceburi dan menerokai bidang perniagaan, sekaligus mengurangkan kadar pengangguran serta kebergantungan graduan TVET kepada ‘kerja makan gaji’. Selain itu, usahawan yang menyertai program ini dijangka mampu merangsang pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan penglibatan usahawan baharu dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan pengeluaran produk/perkhidmatan tempatan berkualiti bagi memenuhi permintaan pasaran sedia ada”. Penekanan kepada peningkatan mutu hidup yang berasaskan ilmu pengetahuan dan pengupayaan modal insan ini sememangnya bertepatan dengan nilai teras Kemampanan dan Daya Cipta di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Sejak tahun 2014, sejumlah 7,183 belia telah dilatih untuk menceburi bidang perniagaan di bawah program TUBE. Daripada jumlah tersebut, 6,986 usahawan (97.2%) berjaya diwujudkan berdasarkan perniagaan yang didaftarkan. Sejumlah RM100.30 juta geran perniagaan telah disalurkan kepada peserta yang berjaya dan hasilnya, program TUBE telah mencatatkan nilai jualan terkumpul berjumlah RM154.38 juta sehingga Julai 2023. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 13,866 peluang pekerjaan, termasuk untuk peserta program itu sendiri.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasian PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Strategik
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
Emel : suraini@smecorp.gov.my